

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf dan membina baru pemancar telekomunikasi di pulau-pulau persisiran pantai Terengganu khususnya di Pulau Tenggol, Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau *National Fibreisation and Connectivity Plan*, (“NFCP”)) adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.
3. Di Terengganu, sistem kabel dasar laut gantian optik telah dipasang sepanjang 21 km yang menghubungkan dari Besut ke Pulau Perhentian bagi meningkatkan kesalinghubungan di pulau-pulau berkenaan. Pihak SKMM juga sedang membuat perancangan untuk memastikan kesalinghubungan di kawasan pulau-pulau persisiran pantai Terengganu yang lain termasuklah di Pulau Tenggol.